

**NO. SOALAN : 146**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN ABDUL WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 09 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Sapawi bin Abdul Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah tempahan pelancong dari China yang dibatalkan selepas siri insiden penculikan di Sabah, yang kebanyakannya membabitkan warga dari negara Tembok Besar itu dan apakah langkah dan strategi baru untuk memulihkan keyakinan pelancong berkunjung ke Sabah, terutama dari negara berkenaan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kehilangan pesawat MH 370 dan siri penculikan telah mengakibatkan pembatalan tempahan terutamanya dari negara China. Sehingga penghujung April 2014, sebanyak 30,000 tempahan dilaporkan telah dibatal atau ditangguhkan, di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun demikian, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi pasaran China dan Asia Timur adalah seperti berikut:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis pada 18 Mac 2014 yang diketuai oleh pejabat Tourism Malaysia di Beijing, Shanghai dan Guangzhou. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran ini.
- ii) Tourism Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke negara Taiwan, China dan Hong Kong dari 10 hingga 18 Mac 2014. Perjumpaan bersama wakil-wakil kanan kerajaan serta pengusaha industri pelancongan turut diadakan semasa lawatan kerja ini bertujuan untuk promosi destinasi dan memberi keyakinan untuk melancong ke Malaysia.
- iii) Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengetuai rombongan ahli parlimen telah membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 10 April 2014 bagi menzahirkan keprihatinan dan simpati kerajaan Malaysia terhadap keluarga China yang terlibat dan juga berterima kasih kepada kerajaan China dalam bantuan yang telah diberikan. Perjumpaan dua hala ini dapat membantu mengurangkan tanggapan negatif rakyat China kepada Malaysia.

- iv) Secara timbal balik, Duta Besar China ke Malaysia juga telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 22 April 2014 bagi menegaskan hubungan persahabatan Malaysia-China tidak akan terjejas dan melaporkan perkembangan kedatangan Panda Gergasi ke Malaysia serta persediaan pihak kerajaan China menyambut ketibaan YAB Perdana Menteri ke Beijing.
- v) Pengerusi Tourism Malaysia juga membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 12 Mei 2014 untuk membincangkan isu keselamatan yang membabitkan warga China di Malaysia selepas insiden MH370, kes culik di Semporna dan Lahad Datu.
- vi) Tourism Malaysia menganjurkan program *CEO MegaFam* kepada agensi pelancongan China yang utama untuk membuat tinjauan produk pelancongan ke Malaysia dengan perkhidmatan penerbangan MAS. Program ini bertujuan khas untuk memulihkan keyakinan *CEO* agensi pelancongan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Siri pertama telah berlangsung dari 26 April hingga 3 Mei 2014 yang disertai oleh 10 pengusaha pelancongan utama dari China Utara. Program *CEO MegaFam* siri pertama ini telah meliputi Pulau Pinang, *Royal Belum Forest*, Pulau Perhentian, Pulau Redang, Putrajaya dan Kuala Lumpur dalam usaha memperkenalkan produk pelancongan baru seperti 'Fly and drive', 'bike ride' dan *eco-tourism*.

- vii) Hasil daripada Program *CEO MegaFam*, Tourism Malaysia telah dijemput untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Air China yang berhasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Beijing dan Kuala Lumpur pada masa terdekat serta mengadakan perkhidmatan *charter* (Sewa Khas). Perbincangan tersebut telah diadakan pada 20 Mei 2014 di Beijing.
  
- viii) Mengadakan usahasama dengan agensi pelancongan China untuk melancarkan penerbangan *charter* (Sewa Khas) secara jangka panjang dari bandar-bandar *2nd Tier* dan *3rd Tier*. Dalam pada itu, Tourism Malaysia sedang mengadakan perbincangan dengan Hubei Wanda New Airlines Travel Services mengenai penerbangan *charter* sektor Wuhan – Kuala Lumpur selama setahun dengan penerbangan 3 kali seminggu.
  
- ix) Kedatangan dua ekor beruang panda gergasi ke Malaysia yang tiba pada 20 Mei 2014 telah menjana publisiti meluas di China, Malaysia dan media antarabangsa. Ini sebagai tanda persahabatan China-Malaysia yang dapat membantu dalam mengembalikan keyakinan pelancong China ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.